

Perlu terus berfikir luar kotak

TELOK PANGILIMA GARANG - Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat perlu terus berfikir di luar kotak supaya menjadi pendorong kepada PPK lain untuk mencuba pelbagai projek pertanian.

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mohd Salim Taha memuji usaha PPK yang sering mengeluarkan produk berdaya saing sehingga dapat memasarkan produk ke seluruh negara.

Menurutnya, pelbagai anugerah diterima membuktikan PPK ini menjadi sebuah hub pengeluaran makanan dikenali ramai.

"Saya nak tengok PPK lain turut membuat perkara

sama selain terbukti apabila program Maha tahun lepas mencatatkan sambutan yang menggalakkan.

"Selain itu, Pelancaran Makanan Ayam Putragrow Feed dengan kolaborasi bersama PPK Kuala Langat dan Arisprop Sdn Bhd, juga menjadi mercu tanda bagi PPK selepas ini sekiranya PPK mampu mempromosikan produk baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Kesyukuran PPK Kuala Langat di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian PPK Kuala Langat Batu 10 Kebun Baru Telok Panglima Garang, di sini, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK

Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah berharap PPK Kuala Langat terus dikenali dengan adanya produk baru yang dihasilkan.

Menurutnya, beliau mahu produk baru itu mampu memberi peluang kepada usahawan di daerah ini hidup dalam keadaan selesa.

Mengulas mengenai rakan strategik yang diusahakan, beliau berharap kaedah itu mampu menarik minat syarikat korporat supaya terus bekerjasama.

Selain itu, beliau sendiri dapat melihat potensi dalam usaha berkenaan yang boleh membantu usahawan kecil terutama masyarakat luar bandar dalam mengusahakan tanaman.



Pengeluaran makanan ayam yang bakal menjadi tarikan baru daripada PPK Kuala Langat.

Kerjasama strategik Agrobank, PPK Kuala Langat



Penyerahan surat tawaran untuk perjanjian strategik projek cili fertigasi disempurnakan Wan Mohd Fadzmi (dua kanan) bersama Mohd Salim (dua kiri).

TELOK PANGILIMA GARANG - Agrobank mengumumkan pelaksanaan Pembiayaan Berkelompok Cili Fertigasi-1 di bawah kendalian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat semalam.

Penyerahan surat tawaran untuk perjanjian strategik projek berkenaan telah disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Wan Mohd Fadzmi Wan Othman kepada Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Dr Mohd Salim Taha dengan disaksikan tetamu kehormat lain.

Datuk Wan Mohd Fadzmi berkata, di bawah program Pembiayaan Berkelompok Cili Fertigasi-1, Agrobank memberi pembiayaan bagi kos operasi kepada peserta projek tanaman cili fertigasi di bawah seliaan PPK Kuala Langat.

Menurutnya, ini merupakan satu lagi kerjasama strategik di bawah inisiatif Agrobank dalam usaha membangun dan memberi akses pembiayaan kepada ko-

muniti pertanian.

"Agrobank sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan rakan strategik untuk bersama-sama memajukan industri pertanian.

"Sebagai sebuah bank yang memahami keperluan komuniti pertanian, Agrobank menawarkan pembiayaan kewangan komprehensif untuk sektor pertanian, merangkumi aktiviti hulu seperti input bekalan pertanian, kepada aktiviti hiliran seperti memproses dan menjual produk pertanian kepada pengguna," katanya.

Beliau berkata, Agrobank menawarkan pembiayaan dari RM1,000 sehingga RM50,000 tanpa perlu cagaran untuk peserta projek fertigasi cili ini.

Sementara itu, Datuk Wan Mohd Fadzmi memuji keghighan PPK Kuala Langat membangunkan perusahaan cili fertigasi terutamanya dari segi menarik minat golongan muda menceburi pemiagaan.

Masih tunjuk peningkatan

Statistik Op Selamat sempena Tahun Baharu Cina belum ada penurunan

BANTING - Statistik peningkatan kemalangan, kemalangan maut dan kematian sepanjang tempoh Op Selamat 6/2015 dan 8/2016 sempena Perayaan Tahun Baharu Cina sebelum ini masih menunjukkan peningkatan.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Zailan Tasir berkata, sebanyak 2,151 saman dikeluarkan pada 2015 berbanding 3,309 saman pada tahun lalu.

Menurutnya, perbandingan sebanyak 54 peratus itu dilihat merisaukan jika pemandu jalan raya di Daerah Kuala Langat tidak mementingkan aspek pemanduan berhemah.

"Pada tahun lalu sebanyak 136 kemalangan berlaku di sepanjang Op Selamat sempena Tahun Baru Cina berbanding 127 kemalangan sahaja pada 2015.

"Selain motor, motosikal turut menyumbang kepada kemalangan dengan peningkatan 130 peratus, iaitu 268 kes pada Op Selamat 6/2015 manakala sempena Ops Selamat 8/2016 mencatatkan kenaikan sehingga 530 kes," katanya.

Beliau berkata demikian pada pelancaran Op Selamat 10/2017 sempena Perayaan Tahun Baru Cina di hadapan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat, di sini, semalam.

Zailan berkata, untuk tahun ini beliau menggesa pengguna jalan raya menurunkan kadar kemalangan secara berhemah dengan tidak mementingkan diri.

Katanya, pihaknya menyarankan penduduk yang mahu keluar bercuti mengis borang Rumah Selamat di balai berhampiran bagi mengelakkan kejadian pecah rumah berlaku.

"Saya mahu tengok mereka isi borang itu sekali gus kita dapat memastikan rondaan di kawasan penduduk yang pulang bercuti di luar daerah dapat dilaksanakan.

"Selain itu, aktiviti membakar mercun yang tidak



Zailan (tiga kanan) melancarkan op selamat bagi Daerah Kuala Langat semalam.

dibenarkan perlu diberi perhatian supaya tiada individu yang terlibat dengan kemalangan itu," katanya

yang mengakui keadaan itu memberi gangguan kepada masyarakat sekeliling. Dalam kempen Op

Selamat semalam, lebih 80 risalah keselamatan bersama *goodies bag* diedarkan kepada pengguna jalan raya.